

NAMA

TINGKATAN

30/08/2024

MODUL PINTAS 2024

TINGKATAN 5

1223/1

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

2 jam, 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

1223/1

[Lihat halaman sebelah

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ ﴿١٣٩﴾ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(a)

(b)

(Surah Ali Imran: 137-139)

Ayat di atas menerangkan tentang sunnatullah.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud kalimah bergaris. [2 markah]
- (ii) Nyatakan maksud sunnatullah. [2 markah]
- (iii) Jelaskan kesan memahami sunnatullah. [2 markah]

Firman Allah SWT:

...إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ...

Maksudnya: ...Sesungguhnya Allah SWT tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.

(Surah al-Ra'du: 11)

- (iv) Huraikan hujah anda untuk menyokong ayat di atas.

[4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ - وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

(رواية البخاري)

Hadis di atas menerangkan tentang setiap orang bertanggungjawab sebagai pemimpin.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan **dua** tanggungjawab pekerja terhadap majikan. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** kesan pengabaian tanggungjawab pekerja terhadap majikan. [2 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [4 markah]
- (c) Nyatakan **dua** jenis ibtida'. [2 markah]

2 (a) Ajaran sesat boleh merosakkan akidah seseorang.

(i) Apakah maksud ajaran sesat?

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat dalam aspek al-Quran dan al-Hadis.

[4 markah]



(Sumber: Kosmo, 13 Mei 2012)

(iii) Mengapakah situasi di atas berlaku? Huraikan.

[4 markah]

(b) (i) Nyatakan sejarah ringkas aliran Syiah.

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** prinsip Syiah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah.

[4 markah]



(Sumber: Sinar Harian, 24 Jun 2020)

(iii) Ramalkan situasi umat Islam jika mengabaikan saranan di atas.

[4 markah]



3 (a) Solat sunat duha merupakan solat yang dituntut dalam Islam.

(i) Nyatakan maksud solat sunat duha.

[2 markah]

(ii) Terangkan **dua** hikmah menunaikan solat sunat duha.

[4 markah]

(b) (i) Nyatakan contoh jenis akad yang berikut:

(a) Pertukaran

(b) Kebajikan

[2 markah]



(ii) Kemukakan hujah anda sekiranya umat Islam tidak memilih muamalat di atas.

[4 markah]

- (c) (i) Nyatakan pengertian faraid. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** syarat sah waris dalam faraid. [2 markah]

Pengurusan harta pusaka dalam kalangan umat Islam merupakan suatu prosedur yang perlu difahami oleh semua pihak, khasnya masyarakat Islam sendiri.

Sering kali kita dengar pertikaian akibat permasalahan harta pusaka hingga membawa kepada konflik perebutan harta, pertikaian yang berlanjutan dan memerlukan penyelesaian mahkamah, permusuhan keluarga malah yang lebih parah sekiranya melibatkan kes jenayah seperti ugutan, ancaman nyawa dan pembunuhan.

- (iii) Cadangkan langkah yang berkesan untuk menangani masalah di atas. [4 markah]

- 4 (a) (i) Nyatakan **dua** sumbangan Khalifah Abdul Malik bin Marwan. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Umayyah dalam aspek politik. [4 markah]

Islam menganjurkan bersikap berani menegur pemimpin secara membina kerana dengan cara itulah kesalahan dan kesilapan pemimpin akan dapat dibetulkan.

- (iii) Huraikan cara yang berkesan untuk melakukan tindakan tersebut terhadap pemimpin murid di sekolah. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim. [3 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** sumbangan Ahmad bin Ibrahim. [3 markah]
- (iii) Terangkan **dua** iktibar daripada keunggulan Ahmad bin Ibrahim. [4 markah]

- 5 (a) (i) Nyatakan maksud wasatiyyah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** hikmah melaksanakan prinsip wasatiyyah. [4 markah]

Jadilah orang yang dermawan tapi jangan menjadi pemboros. Jadilah orang yang hidup sederhana, tetapi jangan menjadi orang yang kikir.

- Ali bin Abi Talib -

- (iii) Ramalkan situasi umat Islam akan datang jika semuanya berpegang kepada pernyataan di atas. [4 markah]

- (b) (i) Apakah maksud alam sekitar? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** adab menjaga alam sekitar. [4 markah]

Firman Allah SWT:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: "Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya."

(Surah al-A'raf: 56)

- (iii) Huraikan pandangan anda sekiranya saranan di atas diabaikan oleh masyarakat. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT